



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2008

**PEMANJANGAN BAYARAN PAKAIAN MENGHADIRI UPACARA
RASMI KEPADA PEGAWAI DALAM KUMPULAN SOKONGAN YANG
DIARAH BERTUGAS DI PARLIMEN ATAU DEWAN UNDANGAN
NEGERI**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan berhubung pemanjangan kemudahan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi kepada pegawai dalam Kumpulan Sokongan yang diarah bertugas di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

LATAR BELAKANG

2. Peraturan berkaitan kemudahan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang diarah bertugas di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri adalah sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2007.

PELAKSANAAN

3. Pegawai Perkhidmatan Awam dalam Kumpulan Sokongan Gred 27 hingga 40 yang diarah bertugas di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi. Peraturan mengenai kemudahan pakaian ini adalah seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2007.

TARIKH KUAT KUASA

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

8. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

20 Ogos 2008

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan